

ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Utusan Malaysia (Segmen Dalam Negeri)

Tarikh: 23 Februari 2016 (Selasa)

Mukasurat: 6

MATTA 2016 medan promosi pelancongan

KUALA LUMPUR 22 Feb. - Pameran Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) 2016 yang akan diadakan pada 11 hingga 13 Mac nanti merupakan medan terpenting bagi mempromosikan produk-produk pelancongan dari Indonesia.

Penolong Timbalan Pengarah Kementerian Pelancongan Indonesia, Firnandi Gufran berkata, pada pameran MATTA kali ini, sebanyak 36 gerai pameran berkenaan promosi pelancongan Indonesia akan dibuka di Dewan 3, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.


"Dengan pembukaan 36 gerai pameran tersebut menjadikan Indonesia sebagai pempamer terbesar berbanding 15 negara peserta lain yang terlibat dalam pameran

MATTA kali ini.

"Bukan itu sahaja, bagi menarik perhatian pengunjung yang hadir dalam pameran tersebut, pada 12 Mac nanti iaitu hari Sabtu, penyanyi terkenal Indonesia, Cakra Khan akan mengadakan persembahannya. Cakra Khan merupakan Ikon Pelancongan Indonesia bagi tahun ini," katanya dalam sidang akhbar Usahasama Indonesia dan MATTA di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden MATTA, Datuk Hamzah Rahmat dan timbalannya, Datuk Tan Kok Liang.

Tambah Firnandi, pihaknya ingin memfokuskan beberapa kawasan pelancongan berpotensi di



HAMZAH RAHMAT

tiga kawasan terbesar Indonesia iaitu Batam, Jakarta dan Bali.

"Antara tempat-tempat pelancongan yang terdapat di tiga kawasan tersebut ialah Laktoba, Tanjung Lesung, Jogja, Morota, Kepulauan Sabu dan Balitung.

"Tempat-tempat pelancongan yang dipilih ini merupakan lokasi yang selalu mendapat perhatian pelancong dunia. Melalui pameran MATTA ini juga, pihak kami bukan sahaja mempromosikan tempat-tempat menarik, bahkan budaya yang terdapat di Indonesia," jelasnya.

Dalam pada itu, jelas Fernandi, orang ramai termasuk pelancong

dari Malaysia tidak perlu bimbang dengan beberapa kejadian serangan pengganas yang berlaku di negara tersebut sebelum ini kerana pihak berkuasa Indonesia sudah menjalankan tugas mereka dengan sebaik mungkin.

"Saya berharap isu serangan pengganas ini tidak lagi timbul kerana pihak berkuasa Indonesia sudah menjalankan tugas mereka dengan menahan dan mendakwa penjenayah-penjenayah yang melakukan serangan sebelum ini.

"Bagi saya, keselamatan terhadap pelancong dalam dan luar negara yang akan melawat Indonesia tahun ini adalah terjamin dan serangan-serangan yang berlaku sebelum ini juga langsung tidak menjejaskan aktiviti pelancongan Indonesia," katanya.